



KEDUDUKAN ORANG
MELAYU
Sarawak
DI BAWAH PENJAJAHAN
BRITISH 1946-1963

HASHIM FAUZY YAACOB



PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR
DBP CAVANGAN SARAWAK

KEDUDUKAN ORANG
MELAYU
Sarawak
DI BAWAH PENJAJAHAN
BRITISH 1946-1963

Kedudukan orang Mela



SAR00018397

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Pendahuluan</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xiii
<i>Singkatan</i>	xv
BAB 1 Pengenalan	1
BAB 2 Latar Belakang Orang Melayu dan Kedudukan Mereka Semasa Pemerintahan Brooke	8
BAB 3 Penyerahan Sarawak kepada British	43
BAB 4 Dasar British di Sarawak	58
BAB 5 Sosioekonomi Orang Melayu-Islam di Bawah Pentadbiran British	93
BAB 6 Kedudukan Orang Melayu dalam Politik Tahun 1946 – 1958	133
BAB 7 Perkembangan Politik Melayu 1959–1963	176
<i>Lampiran</i>	215
<i>Bibliografi</i>	231
<i>Indeks</i>	239

Bab 1

PENGENALAN

DEFINISI MELAYU-ISLAM

Sebelum ditinjau siapakah sebenarnya orang Melayu Sarawak, maka perlu juga ditinjau kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak. Pembahagian kumpulan etnik selalunya dikelaskan kepada dua, iaitu *peribumi* dan *bukan peribumi*. Etnik bukan peribumi terdiri daripada orang Cina, India, Eropah dan Eurasia, manakala kumpulan peribumi pula terdiri daripada berbagai-bagai kelompok Melayu, Melanau, Dayak Laut (Iban), Dayak Darat, Kedayan, Murut, Bukitan, Bisaya, Dusun, Kelabit, Kayan, Kenyah, Kajang, Lugat, Lisun, Penan, Sian, Tegal, Tabun, Ukit serta campuran dari suku-suku tersebut.¹

Michael Leigh telah membahagikan kumpulan etnik peribumi ini kepada dua kelas yang terbesar. Orang Melayu, Melanau dan Kedayan diletakkan dalam kelompok Melayu, manakala orang Dayak Laut, Dayak Darat dan suku lain yang lebih kecil diletakkan dalam kelompok Dayak.² Pembahagian ini bercanggah pula dengan pembahagian yang dibuat oleh L.W. Jones yang membahagikan kumpulan



KEDUDUKAN ORANG MELAYU SARAWAK

peribumi itu kepada Melayu, Melanau, Dayak Laut, Dayak Darat dan sebagainya.³ Ternyata sekali masalah klasifikasi etnik di Sarawak merupakan satu masalah yang rumit.⁴

Dalam jangka masa kajian penulis, iaitu dari tahun 1946 hingga tahun 1963, terdapat dua kali bancian penduduk dilakukan, iaitu pada tahun 1947 oleh J.L. Noakes dan tahun 1960 oleh L.W. Jones.

Jadual 1.1 Banci Penduduk Negeri Sarawak Tahun 1939, 1947 dan 1960.

KAUM	BILANGAN PUSAT DOKUMENTASI MELAYU			PERATUS		
	1939	1947	1960	1939	1947	1960
Dayak Laut (Iban)	167 700	190 326	237 741	34.2	34.3	31.9
Cina	123 626	145 158	229 154	25.2	26.6	30.8
Melayu	92 709	97 469	129 300	18.9	17.9	17.4
Dayak-Darat	36 963	42 195	57 619	7.5	7.7	7.7
Melanau	36 772	35 560	44 661	7.5	6.5	6.0
Lain-lain Bumiputra	27 532	29 867	37 931	5.6	6.5	5.1
Eropah	704	691	1631	0.2	0.1	0.9
Lain-Lain	4579	5119	6492	0.9	0.9	0.9
JUMLAH	490 585	54 685	744 529	100	100	100

Sumber: L.W. Jones, *Sarawak: Census of Population*.

Berdasarkan bancian pada beberapa tahun tersebut, jelaslah orang Melayu merupakan satu kelompok minoriti, iaitu yang ketiga besarnya selepas Dayak Laut atau Iban dan Cina. Dari segi penduduk peribumi pula, orang Melayu merupakan yang kedua terbesarnya selepas Iban. Pada tahun 1939, jumlah orang Melayu ialah 92 709 orang berbanding dengan tahun 1947 seramai 97 469 orang dan tahun 1960 seramai 129 300 orang. Walaupun terdapat pertambahan dalam bilangan, namun peratusannya menurun, iaitu 18.9

PENGENALAN

peratus pada tahun 1939, 17.9 peratus pada tahun 1947 dan 17.4 peratus tahun 1960. Penurunan sebenarnya melibatkan beberapa kumpulan peribumi utama seperti Iban dan Melanau berbanding dengan kaum Cina yang mengalami peningkatan, iaitu 25.2 peratus pada tahun 1939 menjadi 30.8 peratus pada tahun 1960.

Permasalahan tentang istilah Melayu sebenarnya telah kerap ditimbulkan, bahkan pernah dibincangkan dalam akhbar-akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1930-an dan 1940-an. Hal ini kerana sekiranya Melayu ditakrifkan dengan cara yang berbeza-beza, maka sudah tentulah banyak huraianya. Sekiranya diambil pengertian dari aspek sosiobudaya yang lebih luas, maka istilah Melayu merangkumi penduduk peribumi yang tersebar luas, di seluruh gugusan pulau Melayu walaupun terdapat banyak pecahan suku bangsa dan loghat.⁵

Dalam Perlembagaan Malaysia, istilah Melayu menjadi lebih sempit kerana berdasarkan ruang lingkup geopolitik Malaysia.⁶ Istilah ini dikatakan lebih sempit kerana akan timbul implikasi dari segi kefahaman, iaitu setiap yang memeluk Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu akan mengakui dirinya Melayu walaupun sebenarnya daripada keturunan lain. Dengan itu, terdapat istilah “masuk Melayu” walaupun sebenarnya seseorang itu hanya baru memeluk agama Islam. Hal ini juga boleh membawa makna seseorang yang berketurunan Melayu yang murtad daripada agama Islam, tidak boleh dianggap Melayu.

Di Sarawak, kefahaman ini lebih kontroversi dan rumit kerana orang Melayu sebenarnya telah bercampur baur dengan kaum peribumi lain yang sebahagiannya menggelarkan diri mereka Melayu. Keadaan ini dirumitkan lagi oleh pengkaji-pengkaji luar terutama dari barat yang memberikan istilah Melayu Sarawak itu dengan secara sewenang-wenangnya. Leach, misalnya telah mengategorikan orang Melayu

KEDUDUKAN ORANG MELAYU SARAWAK

Sarawak kepada dua kelompok, iaitu Melayu dan Para-Melayu daripada satu kelompok yang dikenali sebagai "Kumpulan Melayu".

Menurut Leach, definisi Melayu ialah " Semua Peribumi Sarawak yang menganut agama Muhammad tidak kira apa juga bahasa ibunda".⁷ "Para-Melayu" pula ialah "Kumpulan Pagan daripada apa juga kumpulan linguistik yang mana menyatakan daripada segi peratusan 30% atau lebih telah menjadi Melayu".⁸

Begitu juga dengan gambaran yang diberikan Tom Harrisson. Bagi beliau, di Borneo Melayu ialah nama atau sifat nama yang khusus kepada *Malay things*, tetapi beliau sendiri tidak dapat memberi gambaran apakah sebenarnya *Malay things* itu? Harrisson tidak dapat memberi gambaran yang sebenarnya kerana beliau sendiri mengakui tidak menemui seorang Melayu yang jati dan menurut beliau:

... pergi ke mana-mana dalam Sarawak hari ini anda tidak akan bertemu Melayu, sekurang-kurangnya seorang yang menggelar dirinya Melayu Sarawak – yang mana boleh (atau akan mendakwa secara serius) menggalur keturunannya kembali kepada generasi Melayu 'tulen'. Kebanyakan boleh dan akan menyatakan tonggak keluarganya sesuatu seperti Dayak laut atau darat, Jawa, Bugis dari Celebes, Dusun dan sebagainya.⁹

Dengan itu, untuk membanci penduduk di Sarawak, bagi Tom Harrisson setiap orang Islam ialah Melayu.¹⁰ Kekeliruan ini menyebabkan beberapa penulis lain telah membuat pentafsiran yang mudah terhadap Melayu seperti J.C. Jackson yang menyatakan:

Jadi yang pentingnya di Borneo ialah seseorang bangsa Melayu itu ialah orang yang menganggap dirinya Melayu dan dianggap demikian juga oleh orang yang sebangsa dengannya.¹¹

Penulis lain seperti Pringle mengakui hakikat bahawa seseorang yang mengakui dirinya Melayu berdasarkan

PENGENALAN

Muslim, pernyataan ini katanya tidaklah tetap, khususnya kepada kumpulan Melanau yang berpusat di Bahagian Ketiga yang dipisahkan kepada golongan “Pagan” dan Muslim. Sungguhpun ada antara orang Melanau yang memeluk Islam menggelarkan diri mereka Melayu, namun sebahagian yang lain masih merujuk diri mereka sebagai Melanau Muslim.¹²

Sebaliknya di bahagian barat Sarawak, iaitu Bahagian Pertama dan Kedua, semua orang Islam secara hakikatnya diterima sebagai Melayu. Hal ini mungkin berpunca daripada sikap para penduduk di kawasan itu sendiri yang menganggap menjadi Islam bermakna menjadi Melayu. Dengan itu, Pringle menggunakan Melayu untuk merujuk semua orang Islam.¹³

Di Bahagian Ketiga Sarawak, sebilangan besar masyarakat yang beragama Islam menganggap diri mereka sebagai Melanau Islam, Pringle menggunakan “Melayu” dan “Melanau Muslim” dan akhirnya Pringle membuat kesimpulan bahawa sudah pasti golongan-golongan “Pagan” menjadi Melayu melalui pemelukan agama Islam dan seterusnya boleh dihujah dalam konteks Melayu Borneo bahawa ini tidak lebih daripada satu *artificial*.¹⁴

Terdapat definisi lain oleh beberapa penulis, terutama penulis barat tentang orang Melayu. Antaranya termasuklah definisi yang diberikan Hudson (1972) dan Roth (1896), namun kesemuanya dapat dipertikaikan. Satu definisi telah diberikan oleh penulis tempatan, iaitu Abang Yusof bin Abang Putih. Beliau menyatakan bahawa mustahil untuk memberi definisi yang tepat tentang orang Melayu kerana orang Melayu Sarawak merupakan orang yang bercampur baur. Dengan itu, dalam istilah yang longgar, beliau memberikan definisi Melayu sebagai “satu anggota daripada penduduk asal kepulauan Melayu itu yang tersebar daripada dan juga termasuk Sumatera sampailah ke pulau-pulau Filipina”.¹⁵

Berkaitan dengan pendefinisian siapakah sebenarnya

KEDUDUKAN ORANG

MELAYU

Sarawak

DI BAWAH PENJAJAHAN

BRITISH 1946-1963

Sarawak mengalami beberapa peringkat penjajahan yang banyak meninggalkan kesan politik dan sosioekonomi kepada penduduk setempat. Peringkat pertama penjajahan berlaku apabila wilayah ini diambil daripada Kesultanan Brunei oleh Brooke, kemudian Jepun merampas wilayah ini daripada pemerintahan Brooke, iaitu dari tahun 1941 hingga tahun 1945. Tamat Perang Dunia Kedua, Brooke berasa tidak mampu lagi untuk mentadbir Sarawak, maka rundingan telah dibuat untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Dengan itu, pada tahun 1946 Sarawak telah berpindah tangan daripada pemerintahan Brooke kepada kerajaan British, walaupun sebahagian besar masyarakat peribumi tidak menyetujui penyerahan tersebut.

Penumpuan khusus penulis adalah pada kedudukan orang Melayu-Islam sebagai kaum peribumi di bawah penjajahan British dari tahun 1946 hingga tahun 1963. Seperti yang telah ditegaskan, buku ini ditulis kerana penulis berasaskan terlalu sedikit penulisan dibuat tentang zaman penjajahan British dan khususnya, orang Melayu.

ISBN 978-983-46-0871-2



02000

9 789834 608712

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA BERKUNJUNG KE:

KOLEKSI BORNEO
PUSAT DOKUMENTASI MELAYU TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK
JALAN TUN DATUK PATINGGI ABD. RAHMAN YAAKOB
PETRA JAYA
93050 KUCHING, SARAWAK.

ATAU HUBUNGI:

ENCIK MOHD. HAPIZAN ABDULLAH
TELEFON: 082-227048
E-MEL: mohdhapizan@dbp.gov.my

PUAN TERESA CHONG
TELEFON: 082-227052
E-MEL: teresa@dbp.gov.my

"BAHASA JIWA BANGSA"

"MEMELIHARA WARISAN MEMUPUK WAWASAN"

